

Labuan ada potensij jadi pilihan pesara

ADALAH menjadi sesuatu yang wajar dipuji apabila mendengar cadangan Perdana Menteri untuk menjadikan Labuan sebagai hab minyak dan gas di Malaysia Timur. Ia patut dipuji, kerana ia tidak akan direalisasikan.

Sebab mudahnya ialah Sabah dan Sarawak bersaing dengan Labuan. Selain itu, walaupun Labuan benar-benar menjadi hab minyak dan gas ketiga di Malaysia, ia tidak akan menjana banyak pekerjaan. Jika ada, bilangannya adalah terhad dan hanya diisi oleh golongan profesional dan menyebabkan komuniti Brunei dan Kedayan di Labuan tidak mendapat peluang ini.

Labuan buat masa ini, menjadi semakin kurang penting dalam semua bidang. Diketahui bahawa Labuan amat penting kepada Brunei, Sabah dan Sarawak sekitar 50 tahun lalu. Kemudahan di tempat-tempat ini kini memintas apa yang ada di Labuan.

Ini termasuk pelabuhan bebas – kebanyakan barangan adalah bebas cukai di tempat-tempat tersebut. Perlu diingat bahawa Labuan juga adalah sebuah Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa.

Antara sebab Labuan akan mundur dalam tahun-tahun mendatang ialah kerana ia masih memegang status pekan kampung. Dasar-dasar Kerajaan Persekutuan, khususnya mengenai imigresen, adalah terlalu ketat. Sebab yang amat penting adalah Labuan tidak mempunyai kemudahan dan hiburan seperti yang ditawarkan oleh Hong Kong dan Singapura – kedua-duanya juga adalah Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa.

Eksekutif antarabangsa, termasuk kapten kapal, memilih untuk berurusan dan membaiki kapal-kapal mereka di Hong Kong atau Singapura. Eksekutif perniagaan ini termasuk juga warga Malaysia. Tiada batas kepada hiburan di Hong Kong dan Singapura.

Labuan hanya mampu bertahan dengan pembinaan 10,000 hingga 20,000 Kompleks Perumahan Bermandiri untuk Pesara. Labuan berpotensi besar untuk dihuni oleh pesara luar negara. Pulau Kuraman yang unik di Malaysia, adalah salah sebuah tempat di Labuan yang dapat menampung 5,000 rumah.

Rumah Pesara Luar Negara yang dicanangkan tidak menarik ramai pesara luar negara untuk datang ke Malaysia. Negara jiran kita Thailand, Filipina dan Indonesia, setiap satu mempunyai lebih ramai pesara yang menetap di sana berbanding Malaysia.